

# Minum dalam pejabat lebih jimat

**P**ERDANA Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, dalam ucapannya sempena majlis Perhimpunan Hari Pekerja Sektor Awam 2008 mahukan semua kakitangan awam untuk terus meningkatkan kecekapan dan bertindak pantas dalam membuat keputusan supaya perkhidmatan awam dihormati.

Demi menyahut aspirasi murni Perdana Menteri itu, sebagai kakitangan awam kita harus membuang amalan negatif yang mencalarakan nilai integriti dan merendahkan keberkesanan perkhidmatan seperti amalan merasuah, curi tulang, ponteng kerja, birokrasi dan sebagainya.

Tidak ketinggalan amalan keluar minum yang nampaknya masih begitu kental menghantui diri kita sebagai kakitangan awam.

Sebagai pelanggan atau orang awam, mungkin ada di kalangan kita selalu merungut dan meluat mendengar alasan 'pegawai sedang minum' apabila ingin menyelesaikan

urusan penting dengan sesetengah jabatan kerajaan.

Apatah lagi bila kita sedang dihambat masa dan sesuatu urusan itu hanya memerlukan tempoh yang singkat untuk diselesaikan. Bertambah sakit hati lagi apabila datang berurusan pada waktu pagi, diminta pegawai di kaunter untuk datang pada sebelah petang. Apabila datang pada sebelah petang, diminta untuk datang pada keesokan harinya semata-mata kerana pegawai pergi minum.

Budaya keluar minum, terutama mengambil masa agak lama, di kalangan kakitangan awam sememangnya masih banyak berlaku. Cubalah jenguk restoran, warung dan kafetaria berhampiran pejabat kerajaan pada hari bekerja.

Tiada salah untuk berehat seketika pada waktu bekerja. Dari perspektif saintifik, diakui bahawa penggunaan domain afektif (perasaan dan emosi), psiko motor (fizikal) dan kognitif (pemikiran) seseorang itu

mempunyai hadnya.

Ia perlu disegarkan semula dengan cara berehat seketika untuk mengelak unsur negatif berlaku seperti tekanan dan kelesuan.

Namun, silapnya apabila keperluan dan kelengkapan untuk berehat itu disalahgunakan seterusnya mengganggu kelancaran urusan pejabat terutama jika berurusan dengan pelanggan secara langsung.

Demi membendung budaya minum pagi yang mencatatkan kesempurnaan perkhidmatan jabatan kerajaan ini, semua pihak sebenarnya perlu melaksanakan perubahan. Pihak pengurusan dalam jabatan kerajaan perlu mewujudkan dan mengaktifkan penggunaan pantri dalam pejabat.

Peralatan paling asas untuk memasak air, memanaskan makanan dan menyimpan makanan boleh disediakan seperti cerek, ketuhar gelombang mikro, peti sejuk dan sebagainya.

Dicadangkan juga agar ketua ja-

batan tegas mengatur waktu rehat dan minum pekerjaanya supaya perjalanan perkhidmatan dan operasi pejabat tidak terganggu. Dengan cara ini, produktiviti dan kualiti perkhidmatan kakitangan awam akan tetap mantap sepanjang hari dan urusan pelanggan berjalan lancar kerana akan sentiasa ada pegawai atau kakitangan yang berada di kaunter atau di pejabat.

Jika ada kakitangan yang masih kerap keluar minum dan membuang masa kerja, maka menjadi peranan ketua jabatan untuk menegur dan mengingatkan mereka mengubah sikap dan fokus terhadap tugas.

Seperti diamalkan sebilangan organisasi, pekerjaanya menyumbangkan sedikit wang dan berkongsi membeli makanan dan minuman ringan untuk diletakkan di pantri. Ada juga di kalangan pekerja yang sama-sama membawa 'pot-luck' dari rumah masing-masing dan bertukar juadah makanan di pantri pejabat.

Langkah ini bukan saja menjimatkan masa untuk berjalan dan melepak di kafetaria, bahkan menjimatkan kantung poket daripada membelanjakan duit membeli air dan makanan di kafetaria.

Kesimpulannya, perubahan sikap dalam hal keluar minum ini perlu dimulakan dan seterusnya dikekalkan. Kita tidak mahu orang awam berte-rusan berpegang kepada stigma 'pegawai kerajaan suka keluar minum'.

Jika kita benar-benar berpegang kepada konsep mencari pendapatan halal dan beramanah seperti digariskan syariat Islam, pasti kita berjaya mengubah sikap negatif seperti ini. Barulah boleh kita nanti layak dipanggil sebagai kakitangan awam yang berintegriti, produktif dan memiliki minda kelas pertama.

**KHAIRUNNEEZAM  
MOHD NOOR,**  
*Universiti La Trobe,  
Melbourne Australia.*